



Pelita Brunei
BERITA HARIAN

15 OGOS, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemerintah dan maha penyayang*

ISU BARANG DAN MAKANAN HALAL

ORANG ramai sudah semakin bersikap lebih berhati-hati memilih barang dan makanan dengan maksud menjamin halalnya. Ini mewujudkan suatu keadaan

di mana keperluan kepada barang-barang yang sedemikian itu telah ketara meningkat.

Soalnya sekarang ialah: Bagaimana keperluan tersebut dapat dipenuhi?

Kita di negara ini disifatkan sebagai pengguna yang bergantung kepada bekalan dari luar negeri. Walaupun barang-barang dan makanan yang diimport itu tidak kesemuanya diragukan halalnya tetapi kita berhadapan dengan suatu keadaan di mana keperluan untuk mendapat barang dan makanan yang tidak menimbulkan syak wasangka masih sukar dipenuhi.

Maka keadaan sedemikian sudah memadai untuk menjadikan kita mencari ikhtiar mengatasinya. Setakat ini ada orang perseorangan sudah mengambil langkah dan berhasil memasarkan barang keluaran mereka. Ini satu tanda yang sihat. Dan dari kalangan badan-badan atau persatuan-persatuan maka Persatuan Per-tiwi telah mengambil langkah atau daya

usaha mengetengahkan hasil-hasil tempatan yang dijamin halalnya. Daya usaha sedemikian memang layak dihargakan sepertimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri baru-baru ini telah memberi tahniah dan penghargaan Baginda kepada persatuan tersebut sambil mendoakan semoga Allah Subhanahu Wataala akan membuka hati semua umat Islam untuk lebih berhati-hati pada memilih makanan-makanan yang di redainya.

Dari segi keperluan yang boleh dikatakan mendesak sekarang ini maka kita melihat apa jua daya usaha ke arah menambahkan serta meluaskan pengeluaran barang dan makanan tempatan yang dijamin halal sudah sewajarnya diberi perhatian yang bukan sahaja berupa galakan bahkan bantuan. Dan dalam aspek tertentu seperti penyelarasan dan mendapatkan kemahiran juga diperlukan maka bantuan yang dimaksudkan tidaklah setakat mengadakan modal bahkan juga

nasihat serta bimbingan.

Pihak berkenaan dan kerajaan dipecayai telah menyedari kedudukan ini dan telah mengenal pasti langkah-langkah selanjutnya untuk diambil. Orang ramai tentu akan merasa lega manakala nanti sebarang program yang konkret ke arah yang dimaksudkan dapat dilancarkan.

Sesungguhnya, kesedaran orang ramai untuk menjaga 'Islam' dan 'Iman' masing-masing pada umumnya telah berhasil dirangsangkan melalui gerakan dakwah yang terus-menerus dibuat. Pada peringkat ini sudah sampai waktunya untuk mereka memperteguhkan keyakinan tentang manisnya hidup beragama menerusi perancangan dan seterusnya pertaksanaan selok-belok keislaman dalam kehidupan moden sekarang.

Dalam hubungan itu isu barang-barang dan makanan-makanan halal merupakan sebahagian dari cabaran yang sedang menduga keupayaan kita.



BAKAL-BAKAL HAJI JUNJUNG ZIARAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada minggu lepas telah berkenan menerima junjung ziarah kira-kira seribu orang bakal-bakal haji negara ini yang akan menunaikan fardu haji tahun ini, di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke istiadat itu dan seterusnya

berkenan juga menerima junjung ziarah ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkhiah.

Bakal-bakal haji negara ini yang berjumlah lebih 1,900 orang itu kini telahpun berada di Madinah. Mereka berlepas ke tanah suci dengan empat penerbangan sewa khas empat hari berturut-turut mulai 11 Ogos lepas.

Mereka dijangka kembali ke tanahair pada pertengahan bulan September depan dengan cara penerbangan yang sama. Juga termasuk dalam rombongan jemaah itu beberapa orang pegawai perhubungan haji dan pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Majlis kesyukuran

MAJLIS kesyukuran anjuran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) sempena puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun yang dijadualkan akan diadakan pada 18 Ogos ini di Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan adalah ditunda kepada 19 Ogos, 1984, masa dan tempat tidak berubah.

KEBAWAH D.Y.M.M BERANGKAT KE MAJLIS PERSANTAPAN

GADONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Persantapan yang diselenggarakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah berlangsung di Mess Pegawai Gadong pada malam Ahad lepas.

Majlis kesyukuran itu sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun dimulai dengan bacaan doa selamat oleh Pemangku Imam Surau Polis Gadong, Ustaz Haji Long bin Mat Saman. Di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan memotong kek Hari Ulang Tahun yang diadun khas yang merupakan salah satu tradisi menyambut Hari Keputeraan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah dan Yang Teramat

Mulia Pengiran Isteri Ruhaizah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkhiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Norhayati.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Pengiran

Anak Puteri Amal Nasibah serta kerabat-kerabat Diraja yang lain.

Majlis pada malam itu diserikan dengan persembahan artis-artis dari Malaysia dan Singapura dengan iringan permainan pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei. Terdahulu sebelum itu Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan dan dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis Brunei Darussalam.

Warkah Perlantikan 1913 diserahkan ke PSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Sejarah Brunei telah menerima sumbangan pertama bahan-bahan sejarah yang bertulis tangan dalam tulisan jawi yang dihidiahkan oleh Pg Jambol bin Pg Sulaiman, seorang pegawai dari Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan.

Bahan-bahan sejarah tersebut yang berbentuk dokumen ialah mengenai dengan warkah perlantikan yang ditulis dalam tahun 1913 semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan Brunei yang ke-26, manakala yang berhubung dengan tulisan-tulisan lama ialah mengenai dengan segala doa yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu ditulis selepas Perang Dunia Kedua.

Menurut Pg Jambol bahan-bahan sejarah itu adalah hasil peninggalan dari datuk nenek beliau terutama YAM Allahyarham Pengiran Digadong Muhammad Tajuddin.

Pengetua Pusat Sejarah mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sumbangan itu dan beliau sekali lagi menyeru kepada orang ramai supaya akan dapat memberikan kerjasama dengan memberikan sumbangan sebarang bahan-bahan sejarah kepada jabatan tersebut untuk disimpan dengan selamat, dipelihara dan diselidiki sebagai satu khazanah negara untuk tatapan masyarakat dan generasi akan datang — MMH.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memotong kek hari ulang tahun yang diadun khas sempena hari keputeraan Baginda yang ke-38 tahun dengan disaksikan oleh Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis Brunei.

MAKLUMAN

PEGAWAI-PEGAWAI dari Pejabat Sukatan dan Timbangan di Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri akan berada di Daerah Temburong selama sebulan mulai 1 September depan untuk menjalankan pemeriksaan dan

pengcapan alat-alat sukatan dan timbangan tahunan di luar kawasan Pekan Bangar.

Kerjasama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di kawasan yang berkenaan adalah diperlukan.

SEORANG LAGI ANAK TEMPATAN BERIJAZAH DOKTOR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi anak tempatan telah berjaya memperolehi Ijazah Kedoktoran (Ph.D) iaitu dalam bidang Kimia Tanah dan Pemakanan Tumbuhan (Soil Chemistry and Plant Nutrition) dari Universiti Western Australia.

Beliau ialah Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohiddin berasal dari Pekan Muara. Dr. Mohamad Yusof memasuki alam persekolahan di S.U.A.S. Muara pada tahun 1955 hingga 1961. Kemudian melanjutkan pelajarannya ke Maktab SOAS di Bandar Seri Begawan. Memandangkan kepada keputusan peperiksaan beliau yang begitu cemerlang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran telah memberikan dermasiswa untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat tinggi di Aberdeen College of Commerce, Scotland, United Kingdom pada tahun 1969 dan seterusnya berjaya memasuki University of Aberdeen sehingga berjaya

memperolehi ijazah Sarjana Muda Sains (B.Sc) dalam Sains Tanah pada tahun 1975. Beliau adalah anak Brunei yang pertama memperolehi Ijazah tersebut.

Sekembalinya dari United Kingdom beliau bertugas dengan Jabatan Pertanian sebagai Pegawai Pertanian (Bahagian Pakar Tanah). Semasa menjadi Pegawai Pertanian beliau telah mengendalikan pemeriksaan dan pemetaan tanah di seluruh negara bagi kegunaan projek penanaman padi.

Pada awal tahun 1977, sekali lagi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghantar beliau untuk menjalani latihan dalam perkhidmatan di University Western Australia. Pengalaman beliau semasa bertugas di Jabatan Pertanian bahagian Pakar Tanah telah banyak membantu dan memudahkan beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sains (M.Sc) dalam jurusan Soil Science.

Pada awal tahun 1978

beliau kembali ke Brunei selama tiga bulan untuk membuat kajian dan mengumpul tanah-tanah di Lembah Mulaut kira-kira 10 batu dari Ibu Negara sebagai bahan analisa mengenai 'Kemasaman Tanah'. Contoh-contoh tanah itu beliau bawa ke Australia untuk menjalankan penyelidikan selanjutnya.

Oleh kerana hasil dan keputusan penyelidikan Ijazah Sarjana Sains (M.Sc) beliau itu sangat memuaskan, beliau telah diberi penghormatan dan taraf penyelidikan untuk Ijazah Sarjana telah dinaikkan kepada kedoktoran (Doctorate Degree) Ph.D (Doctor of Philosophy).

Pada pertengahan tahun 1982, Tesis Kedoktoran (Ph.D Doctorate Degree) beliau telah diluluskan dengan mendapat penghormatan dalam bidang 'thesis presentation'.

Selain daripada kelulusan kelulusan di atas beliau juga telah menjadi ahli-ahli Profesional seperti berikut : Australian Society of Soil



DR. Mohamad Yusof bin Haji Mohiddin

Science (1979), International Society of Soil Science (1980) dan American Society of Soil Science (1981).

Beliau kembali ke Brunei pada bulan Julai, 1982 dan berkhidmat semula di Bahagian Tanah, Jabatan Pertanian dan seterusnya dilantik sebagai ketua bahagian tersebut. Awal tahun 1984 beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pertanian Kanan dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Cawangan Penyelidikan mulai bulan Julai, 1984.

Eratkan hubungan silaturahmi

Dari muka 1

baik sebagai tenaga jawatankuasa penggerak atau yang secara langsung menjadi peserta di berbagai rancangan.

"Sebenarnya cara ini sebagai warisan bangsa yang Kebawah Duli Tuan Patik sendiri hasratkan bagi terus dipertahankan dan dipertingkatkan yang mendorong konsep dan prinsip amalan kerja berpasukan secara efisien, jujur dan amanah dalam semua bidang jurusan pekerjaan dan kehidupan, yang sesuai pula dengan semangat Rancangan Kemajuan Negara dalam membentuk masyarakat kukuh yang bersatu padu tanpa mengira asal keturunan," sembah Pegawai Daerah lagi.

KEUPAYAAN

Menurut Awang Haji Mohamad, melalui sambutan perayaan, membolehkan kumpulan belia dan para pelajar memperlihatkan keupayaan mendukung seni budaya itu sambil menanamkan rasa cinta terhadap corak kehidupan bertata susila yang sesuai dengan aspirasi negara. Dengannya jua masyarakat Brunei dapat mengasuh dan memperbaiki kebolehan seni rekabina, seni pertunjukan, pengolahan makanan dan lain-lain melalui penyertaan dalam antara acara yang telah dijalankan, yang mana boleh secara langsung berkait rapat pada amalan-amalan baik dalam menjalani kehidupan sosio-ekonomi sebenar.

Di dalam sembah ucapan itu juga, beliau telah menyebarkan berbagai kemajuan pembangunan yang telah dan sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Baginda seperti pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa, pembesaran Pelabuhan Air Dalam Muara, pembinaan jabatan-jabatan Kerajaan, klinik-klinik, rumah penyembelihan moden di Mulaut, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan peralatan-peralatan termoden, projek Perpindahan dan Perumahan Negara, Skim Pengurniaan Tanah kepada rakyat jati yang tidak mempunyai tanah untuk membuat rumah kediaman mereka dan seterusnya dihubungkan Skim

Pinjaman Kewangan untuk membina rumah tersebut.

BERAZAM

Dengan berbagai-bagai projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan Baginda itu, sembah Awang Haji Mohamad, adalah wajar bagi rakyat dan penduduk dalam bersyukur atas nikmat kemajuan ini berazam dan bertekad untuk terus berganding bahu dengan usah-usaha Kerajaan Baginda.

"Rakyat dan penduduk seharusnya menghayati kesyukuran nikmat tanpa lengah dari berusaha secara jujur dan amanah mengambil kesempatan dari kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk menambah rezeki yang halal mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan mengikut dan keupayaan dan kemampuan masing-masing tanpa sifat hasad dengki atau bercakaran," sembah Pegawai Daerah itu lagi.

BERSYUKUR

Di dalam sembah ucapan itu beliau juga mengambil kesempatan mewakili penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, serta rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara yang berkhidmat dalam Kerajaan Baginda tidak ketinggalan menyebarkan perasaan bersyukur dan menjunjung kasih atas kurnia kenaikan kadar gaji yang telah pun dinikmati.

"Abis Hamba Duli Tuan Patik lebih-lebih lagi merasa bertuah atas penegasan Kebawah Duli Tuan Patik bagi tidak terdapat pihak yang menaikkan harga barang bersandarkan semata-mata atas kenaikan gaji ini yang mana Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik bersedia mengambil langkah campur tangan sekiranya timbul keadaan sedemikian. Abis Hamba Duli Tuan Patik berazam dan bertekad untuk terus meningkatkan mutu dan upaya perkhidmatan yang efisien, jujur dan amanah. Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung pula terus berusaha menimbulkan kesejahteraan kehidupan mukim dan kampung masing-masing, terus memupuk persefahaman dan permuafakatan dalam berbagai cara dan kesempatan," sembah Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Dari muka 1

Berangkat ke majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah

serta lain-lain kerabat Diraja.

Selain berangkat kunjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga berangkat ke Pantai Peranginan Serasa pada hari Sabtu dan Ahad lepas untuk menyertai perlumbaan layar meluncur angin perahabatan dengan pasukan Persatuan Layar Meluncur Angin Kebangsaan Brunei.

ANGGOTA POLIS DIGESA BERSIKAP JUJUR, BERSIH, AMANAH

GADONG. — Anggota-anggota Pasukan Polis digesa menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur, bersih, amanah, seperti yang dikehendaki oleh Undang-undang dan Peraturan Negara, serta taat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

Kesemua pelajaran dan pengetahuan yang telah dipelajari di Pusat Latihan hendaklah digunakan demi untuk menjadi sebagai seorang Polis yang dedikasi, berdisiplin, jujur, bersih dan amanah apabila ditugaskan di tempat-tempat yang ditentukan di samping berwaspada terhadap tingkah laku agar tidak bertentangan dengan peraturan serta maruah polis.

Pasukan Polis bukanlah hanya sebagai tempat atau jabatan bagi mendapatkan gaji yang lumayan ataupun kemudahan istimewa. Akan tetapi sebenarnya adalah dikhususkan bagi melaksanakan tugas peraturan dan undang-undang negara.

Demikian sabda Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis, di majlis Tamat Latihan yang seramai 74 orang rekrut polis wanita dan lelaki yang juga diselenggarakan dengan Perbarisan Pesuruhjaya Polis yang disertai lebih dari 600 orang anggota dari berbagai cawangan polis Jumaat lepas bertempat di Pusat Latihan Polis Gadong.

Bersabda mengenai dengan tata tertib pegawai polis, Yang Amat Mulia menjelaskan, terdapat sebilangan kecil anggota polis hanya tahu

Oleh: Ahat Ismail

"Misalnya hal kenaikan gaji, ada sebilangan kecil yang bersungut dan bercakap-cakap mencurahkan rasa tidak puas hati. Orang-orang ini boleh berjumpa dengan saya dan terangkan sebab-sebab tidak puas hati itu," sabda Yang Amat Mulia.

"Sepatutnya," sabda Yang Amat Mulia, "Kita hendaklah bertanya pada diri kita sendiri tentang tugas tanggungjawab selama ini, sama ada kita telah berbuat dengan apa yang kerajaan perlukan pada kita, dan bukannya kita bertanya kepada Kerajaan, kenapa kerajaan tidak berbuat dengan apa kita mahukan."

menyatakan perkara yang tidak ada kaitan dengan tugas tanggungjawab polis, di mana mereka sentiasa mengambil peduli apa yang orang perolehi dan tidak perolehi serta membandingkan kedudukan seseorang.

Soal banding-membanding antara anggota polis dengan pekerja-pekerja lain luar dari Pasukan Polis hendaklah tidak timbul, dan kita, tegas Yang Amat Mulia tidak perlu membimbangkan hal orang lain. Seandainya terdapat masalah tersebut sambung Yang Amat Mulia, hendaklah dihadapkan kepada ketua-ketua atau Pesuruhjaya.

Di majlis tersebut Yang Amat Mulia juga telah memeriksa perbarisan dan menyampaikan hadiah kepada rekrut-rekrut yang terbaik. Rekrut terbaik dalam semua jurusan ialah 2154 Rosiah binti Puasa, 2150 Jaidin bin Kassim, dan 2197 Mera Anak Dangga @ Zulkifli bin Rosli.

Terbaik dalam Undang-undang dan Pekerjaan Polis ialah 2159 Salina binti Johari, 2136 Kartini bin Nurasin, dan 2201 Duroh bin Sinjin.

Terbaik dalam Kawat, latihan senjata dan latihan luar ialah 2161 Rusnah anak Pilang, 2141 Aji bin Anggang dan 2204 Abdullah bin Sulaiman.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 15 Ogos hingga 21 Ogos 1984

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Limau Manis	15.8.1984	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pangkalan Batu	15.8.1984	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	15.8.1984	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Melayu Jerudong	18.8.1984	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	18.8.1984	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	18.8.1984	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Ugama Sengkurong	18.8.1984	Sabtu	2.30- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	18.8.1984	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut	18.8.1984	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa	19.8.1984	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara	19.8.1984	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara.	19.8.1984	Ahad	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	20.8.1984	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Ugama Kampung Perpindahan, Berakas	20.8.1984	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	21.8.1984	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambah	21.8.1984	Selasa	10.30-11.30 "

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-239

SUNAT berjabat tangan di antara dua laki-laki dan di antara dua orang perempuan dan haram laki-laki berjabat tangan dengan perempuan dengan tiada berlapik dan ikatan perjanjian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan perempuan-perempuan Islam, hanya dengan perkataan bukan dengan berjabat tangan, kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tiada pernah berjabat tangan dengan seseorang perempuan, ialah menurut suatu Hadis yang ertinya: "Dua orang Islam berjumpa dan keduanya berjabat tangan, nescaya Allah Taala am-

pun keduanya sebelum keduanya bersurai."

18. Makruh berjabat tangan orang yang berpenyakit seperti orang sakit dengan sakit supak dan sakit kusta dan lain-lain sakit seumpama keduanya.

19. Makruh berpeluk dan berkucup kepala di antara laki-laki dengan perempuan melainkan berpeluk dan berkucup kepala akan orang datang dari pelayaran, atau akan orang yang tiada berjumpa lama pada adat, maka

sunat bagi mereka, kerana ialah mengikut perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

20. Sunat mengucup tangan orang Salih, dan seperti orang Salih itu orang yang ada berilmu ugama, orang zahid dan orang yang ada kelebihan dalam perkara-perkara ugama Islam.

21. Makruh mengucup tangan orang kaya, dan seumpamanya orang-orang ada kebesaran di dunia, seperti ada nama dan ada kuasa. Menurut

suatu Hadis yang ertinya: "Barangsiapa merendahkan diri kepada orang kaya, kerana kekayaannya, maka hilanglah dua pertiga dari ugamanya".

22. Sunat bangun bagi meraikan orang-orang yang ada kelebihan dalam ugama, kerana memuliakan mereka dan bukan kerana menunjuk-nunjuk daripadanya dan bukan kerana membesarkan dirinya dengan ia berdiri itu dan tiada sunat bangun bagi orang yang tiada kelebihan melainkan

kiranya ia berhajat sesuatu atau terpaksa kiranya ia tiada berdiri, ia mendapat sesuatu kesusahan dan teguran dan cerca.

(Di atas adalah perkataan (pendapat) Al-Alamat Ibnu Qasm al-Gazzi di atas Fathul Qarib dan perkataan Syaikhul Islam Ibrahim al-Bajuri di atas Fathul Qarib dipetik dengan ringkas).

Begitu juga tersebut dalam al Minhaj oleh Al-Imam an-Nawawi dan at-Tuhfah Ala al-Minhaj oleh Al-Imam Ibnu Hajar.

Begitu juga tersebut dalam Al-Iqnak oleh Al-Imam Al-Alamat Asy-Syirbini Al-Khatib dan Hasyiah Al-Bajirmi Ala Al-Iqnak oleh Al-Alamat Sulaiman Al-Bajirmi.

Begitu juga tersebut dalam al Minhaj oleh Al-Imam an-Nawawi dan at-Tuhfah Ala al-Minhaj oleh Al-Imam Ibnu Hajar.

(bersambung)

WALLAHUAKLAM



SIHAT TENTUKAN KEJAYAAN

PEKAN BANGAR. — Menitikberatkan kesihatan badan dan penjagaan otak yang sihat adalah antara faktor-faktor yang menentukan kejayaan seseorang.

"Ini jelas daripada ungkapan kata: badan yang sihat, otak cergas," demikian pandangan Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit semasa berucap di Pertunjukan Peraduan Kanak-Kanak Sihat anjuran WI Cawangan Temburong sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-38 tahun bertempat di

Dewan Kemasyarakatan pada minggu lalu.

Tanpa mempunyai kecergasan badan dan otak, katanya seseorang itu tidak akan dapat melaksanakan sesuatu kerja dengan baik dan sempurna.

Pertunjukan/Peraduan Kanak-Kanak Sihat anjuran WI Cawangan daerah ini telah dibahagikan kepada empat kumpulan. Memenangi tempat pertama dalam Kumpulan A ialah Dayang Fauziana binti Bakir, kedua Dayang Razimah binti Awang dan ketiga Dayang Fatimah binti Timbang.

Sementara Kumpulan B,

tempat pertama dimenangi oleh Dayang Aniza binti Abdullah, kedua Dayang Hasinah binti Kamsani dan tempat ketiga ialah Dayang Azibah binti Abu Bakar.

Seterusnya bagi Kumpulan C memenangi tempat pertama ialah Dayang Norazlina binti Jahri, tempat kedua Mohd. Muhimin bin Sahat dan tempat ketiga Dayang Norazrina binti Jiram.

Bagi Kumpulan D pula tempat pertama dimenangi oleh Mohd. Hasnidy bin Asnan, kedua Dayang Rosmawati binti Wahab dan tempat ketiga ialah Dayang Haniza binti Jaidin.



KELIHATAN di sini Pegawai Perubatan melakukan penghakiman ke atas seorang anak damit dari kumpulan B.

Peraduan Kanak-Kanak Sihat

KUALA BELAIT. — Peraduan Persempitan Persempitan Daerah Belait, sekali lagi

tahun ini menganjurkan Peraduan Kanak-Kanak Sihat, sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-38 tahun.

Peraduan tersebut dibahagikan kepada empat bahagian, bahagian A bagi kanak-kanak berumur empat hingga lapan bulan, bahagian B untuk kanak-kanak berumur lapan hingga 12 bulan, bahagian C bagi mereka yang berumur 12 hingga 18 bulan dan bahagian D bagi yang berumur 18 hingga 24 bulan.

Peraduan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini awal bulan ini merupakan aktiviti tahunan persatuan tersebut dalam menyambut Perayaan Hari Keputeraan di daerah itu.

Hadiah kepada pemenang peraduan telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Dayang Zaleha Haji Omar, isteri Pegawai Daerah Belait.

PEMBETULAN

AWANG Mohd. Asmie bin Abdullah telah diperkenankan memangku jawatan Pengarah Biro Mencegah Rasuah mulai 30 Julai yang lalu.

Sebelum itu beliau memangku jawatan sebagai memangku Ketua Penyiasat Khas di Biro tersebut dan bukannya memangku Penasihat Khas seperti yang di siarkan di muka depan keluaran minggu lalu.

Pengambilan ke-7 Pasukan Askar Muda

BERAKAS. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini sedang menjalankan pengambilan ke-7 Pasukan Askar Muda. Pemohon-pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tergolong dari puak Jati Melayu, Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kadayan, Murut dan Tutong.

Jika pemohon tidak tergolong dalam ketujuh-tujuh puak tersebut, seseorang itu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat resam orang-orang Melayu Brunei dan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei

Darussalam mengikut undang-undang yang tertentu bagi Warganegara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon mestilah berbilang sihat, berumur antara 15 ke-16 tahun pada 1 Januari 1985, menduduki tingkatan tiga aliran Inggeris pada tahun 1984 dan lulus ujian-ujian dan pemilihan yang dilakukan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Borang-borang permohonan bolehlah diperolehi dari Pengetua-pengetua Sekolah dan Maktab-maktab sementara keterangan lanjut boleh didapati dari Pegawai Perhubungan Sekolah-sekolah atau di Pejabat Pengambilan Perkhemahan Bolkiah.

Tubuh persatuan pengadil bola sepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pengadil-pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan persatuan pengadil Daerah Brunei-Muara dalam satu mesyuarat yang telah berlangsung pada 24 Jun di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Ahli-ahli jawatankuasa persatuan tersebut yang dilantik adalah seperti berikut :

Pengerusi, Awang Mohd. Noor bin Haji Abdullah; Naibnya, Awang Saidin bin Alim;

Setiausaha, Awang Jalil bin Haji Bakar; Naib Setiausaha, Awang Rais bin Sabtu.

Bendahari, Pengiran Md. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman. Naibnya, Pengiran Aliuddin Pengiran Tajuddin dan tiga orang ahli jawatankuasa biasa adalah terdiri dari Awang Tudin Ahad (kawasan Jalan Tutong), Awang Hussien Haji Damit (kawasan Bandar Seri Begawan) dan Awang Ahmad bin Japar (kawasan Jalan Berakas/Muara).

Jadual Lawatan Dakwah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan pegawai-pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan beberapa lawatan ke beberapa buah kampung di semua daerah sepanjang bulan September depan seperti di bawah ini.

Tarikh :

3 September 1984
10 September 1984
12 September 1984
17 September 1984
24 September 1984
3-4 September 1984
10-12 September 1984
17-18 September 1984
24-26 September 1984
3-4 September 1984
11 September 1984
18-19 September 1984
24 September 1984
26 September 1984
4 September 1984
5 September 1984
10 September 1984
11 September 1984
12 September 1984
18 September 1984
19 September 1984
24 September 1984

25 September 1984
26 September 1984

Tempat :

Masjid Kampung Masin
Masjid Kampung Beribi
Masjid Kampung Mata-Mata
Kampung Masjid Lama
Masjid Pengkalan Batu
Kampung Mapol
Kampung Supon Kecil
Kampung Balabau
Kampung Bukit
Kampung Merangking
Rumah Panjang Kg. Melilas
Rumah Panjang Kampung Sukang
Barik JKR Andulau
Rumah Ketua Kg. Sg. Liang
Kampung Semabat Luar
Kampung Amo 'B'
Rumah Dy. Aminah Abdullah, Kg. Selangan
Kampung Temada
Kampung Gadong
Kampung Biang Tengah
Kampung Tanjung Bungar
Rumah Awg. Md. Yusof Abdullah
Kampung Amo 'A'
Kampung Simbatang
Sekolah Melayu Negalang

Daerah :

Brunei Muara
Brunei Muara
Brunei Muara
Brunei Muara
Brunei Muara
Tutong
Tutong
Tutong
Tutong
Belait
Belait
Belait
Belait
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong
Temburong

PPN BUKA CAWANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidik Nasional Brunei (PPN) kini sedang membuka cawangan tadikanya di Pekan Muara, Kampong Manggis Dua Jalan Muara, Kampong Mulaut Jalan Tutong dan Kampong Lumut Seria.

Para ibu bapa yang berminat untuk mendaftarkan

anak-anak mereka di salah sebuah cawangan tadika PPN bolehlah mendapatkan borang dan keterangan lanjut dari Pejabat PPN, Tingkat 2, Bangunan Sekolah Bakti Dewa, Kampong Sungai Akar Jalan Muara, jam 2.30 hingga 4.30 petang pada tiap-tiap hari Jumaat ataupun telefon 72350 (Muara), 61319

(Sengkuring), 20394 (BSB) dan 224 (Lumut).

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dikembalikan ke Peti Surat 2884, Bandar Seri Begawan ataupun kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PPN tidak lewat dari 2 September 1984.

Ke arah mencapai dua kebajikan:



MARILAH kita ber-takwa, takut dan ingat akan Allah, ingat akan segala rahmat kurnia-Nya kepada kita. Kita jangan lupa mem-balas kemurahan Allah dengan cara ibadat serta syukur melalui amal-amal salih. Mudah-mudahan nikmat dan rahmat itu berkekalan untuk kita hingga ke akhirat.

Tujuan tertinggi dari pen-didikan Islam ialah agar manusia beriman dan mem-punyai akhlak yang luhur; dan setinggi-tinggi mertabat akhlak pula ialah ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala. Inti pendidikan Islam ialah supaya manusia yakin seyakin-yakinnya tanpa

ragu sedikit pun bahawa Allah itu mawujud (ada). Dialah yang mencipta, mengatur dan mentadbir alam ini sampai kepada bin-tang dan planet dan seluruh isinya. Semua itu adalah di bawah tadbir dan kekuasaan Allah. Dialah menghidupkan segala yang hidup, menum-buhkan segala yang tumbuh dan kemudian mematikan mereka.

MENGUKUR

Sesudah manusia itu beriman maka diwajibkanlah mereka beribadat: sem-bahyang, puasa, men-geluarkan zakat, naik Haji dan lain-lain lagi. Inilah pula seolah-olah alat pengukur un-tuk mengukur tinggi ren-

dahnya keimanan seseorang terhadap Allah. Orang yang beriman akan merasakan dirinya selalu diperhatikan oleh Allah. Kerana itu menyebabkannya berhati-hati, banyak takutnya dan banyak ibadatnya. Hanya dengan cara membanyakkan ibadat dan banyak mengingat Allah itu orang beriman akan makin tenteram, tenang dan lunak jiwanya. Orang yang tenteram itulah pula yang baik, baik hati, tidak som-bong, jauh dari hasad dengki, rajin dan giat bekerja serta beramal dan tidak pernah berputus asa kerana jiwanya penuh padat dengan harapan terhadap Allah Subhanahu Wataala. Pendeknya menjadilah dia Muslim yang ikhlas, jujur dan teguh pen-dirian dan boleh dipercayai. Firman Allah dalam Surah Ar-Ra'du ayat 28 tafsirnya:

"Orang-orang yang beriman itu hati-hati mereka menjadi tenang dengan mengingat Allah. Ketahuilah bahawa dengan mengingat Allah itu

hati akan menjadi tenang."

TUJUAN PENDIDIKAN

Sekali lagi ditegaskan bahawa inilah tujuan ter-tinggi pendidikan Islam itu untuk melahirkan manusia yang beriman. Mereka inilah yang akan menjiwai kehidupan yang sempurna, yang penuh takwa, timbang rasa, rajin dan gigih, amanah dan berani kerana bagi mereka mana-mana yang datang daripada Allah sama ada ianya berupa perintah atau larangan itulah sahaja yang benar, yang sempurna, yang wajib dipatuhi. Manusia apabila berperasaan dan bersikap yang demikian itu maka tandanya telah wujud sifat-sifat yang sempurna dalam diri seorang Muslim yang kamil, yang percaya penuh kepada Allah dan kehidupan hari akhirat.

Inilah yang mahu kita tuju di dalam dua bidang kehidupan, kita kaya dan dapat mencapainya dengan tidak timpang sebelah iaitu bidang duniawi dan bidang

rohani. Ugama Islam memberikan tuntutan yang lengkap ke arah ini sebagaimana Firman Allah Taala dalam Surah Al-Qasas ayat 77 tafsirnya:

"Dan carilah pada apa yang dikurniakan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat dan janganlah di samping itu kamu lupa pula nasib kamu di dunia ini...."

DUA KEBAJIKAN

Ugama Islam tidak melarang mencari rezeki dan kelebihan duniawi asalkan akhirat tidak disia-siakan. Cuba perhatikan ayat ini di mana Allah mengajar kita berdoa untuk mendapatkan dua kebajikan dengan tidak berat sebelah. Firman-Nya yang bermaksud:

"Wahai Tuhan kami, berilah kami kebajikan di dunia dan kebajikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka."

Begitulah tujuan terbesar pendidikan Islam itu ialah un-tuk mewujudkan manusia

beriman dan beramal. Iman yang tegap dan kuat akan mendorong kepada amalan. Orang yang beriman pasti ianya seorang yang beramal. Kerana itulah dasar pen-didikan Islam yang sempurna lagi tulen itu wajiblah diperteguh dan disokong dan dilaksanakan terus untuk mewujudkan manusia-manusia Muslim yang maju dan praktis, yang beriman dan beramal salih, amal salih dalam ibadat dan amal salih dalam kerja-kerja mem-bangun yang berkebaikan untuk kesejahteraan bersama. Sebab kesan dari amal salih dan keimanan seseorang itu bukan sahaja kepada dirinya bahkan juga kepada masyarakat majmuk dan negara. Kerana itulah apabila jemaah Muslimin menjelma, yang lahir dari pendidikan Islam sejati maka aman bahagia dan sejahteralah negara, negara yang disebut oleh Al-Quran sebagai:—

"Negara yang baik, indah dan sejahtera di bawah na-yah dan keampunan Allah."

DOA SEBAHAGIAN DARI IBADAT

DOA ialah salah satu daripada 'taqarrut' iaitu mendekatkan diri kepada Allah dan ertinya ialah seruan, permohonan atau permintaan yang semata-mata ditujukan kepada Allah dalam berbagai-bagai hajat dan kehendak. Doa juga adalah termasuk di dalam salah satu daripada ibadat. Ini telah diterangkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam hadisnya yang diambil melalui Nu-qman bin Bashir yang ber-maksud: "Bahawa doa itu adalah ibadat."

Kemudian terdapat lagi dalam hadis baginda melalui Anas r.a yang ber-erti: "Bahawa doa itu adalah contoh ibadat."

Dengan hadis-hadis itu tadi jelas menunjukkan bahawa doa itu tidak dapat dilepaskan daripada ibadat. Apakah yang me-nyebabkan manusia menga-jukan doa untuk memohon sesuatu pertolongan? Ini adalah berpunca daripada sifat manusia itu sendiri.

Kita sebagai manusia memanglah bersifat lemah untuk mencapai tujuan dan harapan. Dengan kekuatan dan tenaga yang ada pada manusia tidak akan dapat mencapai semua tujuan dan hajat keperluan tanpa bergantung dan memohon kepada Allah Subhanahu Wataala. Setiap orang mukmin yang beriman per-caya bahawa tiada daya dan kekuatan melainkan dengan kekuasaan Allah. Jadi apa yang dilakukan oleh manusia hanya akan terlaksana dengan adanya pertolongan dari kuasa Allah. Selain dari bersifat lemah pada kebiasaannya manusia itu berkehendak kepada hajat dan keperluan dalam hidupnya. Dari ke-perluan yang kecil sehing-galah kepada keperluan yang besar. Secara keseluruhannya manusia berhajat kepada ke-selamatan dan ingin terlepas daripada penderitaan dan azab serta memerlukan ke-bahagiaan dan me-

nghindarkan kecelakaan. Untuk mencapai tujuan itu semua di samping usaha ialah doa (permohonan). Disebabkan kelemahan manusia itu, maka ia memerlukan pertolongan daripada yang kuat serta berkuasa (kepada Allah Subhanahu Wataala) dengan mengikut per-aturan-peraturan yang di-tentukan oleh Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 186 yang kira-kira bermaksud:

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka jawaplah ba-hawasanya Aku adalah dekat. Aku men-gkabulkan permohonan orang yang mendoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu memenuhi segala perintahku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku agar

mereka selalu berada di dalam kebenaran."

Begitu juga yang terdapat dalam Al-Quran Surah Al-A'raf ayat 55 yang ber-maksud kira-kira:

Berdoalah kepada Tuhanmu dengan rendah diri dan suara yang lem-but. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas."

Doa berisi pengakuan akan kelemahan dan ke-kurangan diri sebaliknya pengakuan terhadap kesem-purnaan, kekuasaan, ke-besaran dan kemuliaan Allah yang dicerminkan dalam nama-nama Allah. Pengakuan ini akan menam-bahkan kekhusyukan dan kepatuhan kepada-Nya. Selain daripada itu juga doa merupakan tahap yang harus dilalui dalam men-capai sesuatu yang di-harapkan, terutama yang bersangkut dalam masala-h ghaib yang kunci pen-capaiannya semata-mata di

tangan Allah. Dengan melalui tahap ini besarlah harapan akan terkabullah permintaan dan tercapainya tujuan.

Menurut Ubadah bin Thamit, Nabi Salallahu Alaihi Wassalam telah menerangkan yang mengandungi maksud:

"Tiada seorang muslim di muka bumi ini berdoa kepada Allah melainkan dapat dipastikan, di terima atau dihindarkan-Nya sesuatu bahaya asalkan bukan doa yang mengandung dosa atau memutuskan hubungan kekeluargaan."

(Diriwayatkan oleh At Termidzi).

Dengan ini dapat disim-pulkan bahawa doa orang-orang Muslim yang menurut aturan-aturan yang tertentu tidak akan ditolak. Doa akan dikabulkan melalui salah satu dari tiga perkara:

1. Dikabulkan perminta-an seseorang secara

Menuju keredaan Allah

langsung apa yang di-hajatnya.

2. Dihindarkan daripada bahaya sebagai gan-tinya.
3. Ditanggihkan (akan diberi pahala setimpal dengan permintaan-nya itu).

Betapa tingginya nilai dan peranan doa seperti yang telah ditegaskan dalam sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang ber-maksud:

"Tiada sesuatu amal yang lebih mulia menurut pan-dangan Allah selain daripada doa." (Di-riwayatkan oleh At-Termidzi dan disahihkan oleh Ibn Hibban).

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15 Ogos, 1984 hingga ke hari Selasa 21 Ogos, 1984 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATA- HARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
15	12.29	3.46	3.47	6.37	6.38	7.49	7.49	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16
16-20	12.29	3.46	3.47	6.36	6.37	7.47	7.48	4.56	4.43	4.57	6.14	6.15
21	12.27	3.44	3.45	6.34	6.35	7.45	7.46	4.56	4.42	4.57	6.14	6.15

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Sistem Kajian Pengangkutan Awam

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah bersetuju menerima sebuah Ajensi Jepun (JICA) untuk membuat Kajian Sistem Pengangkutan Awam bagi Negara Brunei Darussalam.

Kerja-kerja kajian akan dimulakan pada 15 Ogos, 1984 dan tempat-tempat ka-jian meliputi kawasan Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei/ Muara, Tutong dan Kuala Belait.

* Kajian akan melibatkan temuduga tepi jalan (road

side interview) kepada pemandu-pemandu.

* Temuduga penumpang bas (bus passenger interview).

* Kiran lalulintas.

Adalah dimaklumkan kepada orang ramai bahawa sekatan-sekatan di jalan raya akan diadakan di beberapa tempat di kawasan-kawasan yang terlibat. Dari itu dipohonkan kepada orang ramai bagi memberikan ker-jasama kepada pegawai-pegawai yang bertugas bagi kerja-kerja kajian dengan memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei/Muara akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuanpunya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka adalah dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

EDR NO.	LOT NO.	NAMA	LETAK TANAH
10122	11047	Dk Mastura binte Pg. Ahmad	Bunot.
10128	11061	Pg Mohiddin bin Pg. Tajuddin	Bunot.
10129	11062	Pg Yusof bin Pg Hj. Md. Daud	Bunot.
10133	10868	Mohd Husin bin Rais	Serdang.
10134	10874	Nuriles bte Ahmad	Serdang.
10137	10870	Juma bin Othman	Serdang.
10138	10876	Suhaimi bin Mohd Hashim	Serdang.
10143	10873	Asmah binte Yusof	Serdang.
10144	10879	Maisalamah binte Kadir	Serdang.
10147	11014	Mohd Said bin Duraman	Pelambayan.
10157	8926	Akip bin Jamaludin	Ligan.
10170	11035	Pg Bakar bin Pg Haji Jambol	Lambak, Berakas.
10174	10744	Kahar bin Dullah @ Mariat bin Abdullah	Patajian, Kota Batu.
		(I/C No. 009660 Kuning)	
10180	10193	Ak Sallehudin bin Pg Haji Abu Bakar	Jerudong.
10182	9067	Ismail bin Durahman	S. Ligan.
10207	11073	Pg Shahbudin bin Pg. Omar Ali - Pg. Punggut.	Gadong.
10218	10900	Awang Abd. Razak bin Mohammad	Perpindahan Berakas.
10225	10909	Awang Piut bin Serudin	Jaya Bakti, Berakas.
10228	10912	Awang Amat bin Ajak	Jaya Bakti, Berakas.
10231	10915	Ibrahim bin Buntar	Perpindahan.
10233	10917	Awang Jaafar bin Awang Damit	Perpindahan Berakas.
10235	10919	Awang Abdul Rahman bin Ismail	Perpindahan Berakas.
10237	10921	Awang Mohd Hassan bin Bakar	Perpindahan Berakas.
10238	10922	Awang Ahmad bin Ismail	Perpindahan.
10239	10923	Awang Serudin bin Salim	Jaya Bakti, Berakas.
10243	10927	Dayang Hasnah binte Bakar	Perpindahan Berakas.
10246	10930	Awang Othman bin Abdullah	Perpindahan Berakas.
10248	10932	Pg Salleh bin Md Tahir	Jaya Bakti, Berakas.
10249	10933	Awang Ibrahim bin Mohd Hassan	Perpindahan Berakas.
10266	11101	Muslim bin Sahat	Serusop, Berakas.
10296	11104	Awang Ladi bin Japar	Menjalin, Lumapas.
10296	11104	Dayang Dijun binte Ag. Japar	Menjalin, Lumapas.
10296	11104	Dayang Zuba binte Japar	Menjalin, Lumapas.
10296	11104	A. Abdullah bin Jaafar/Japar	Menjalin, Lumapas.
10297	11105	Pg. Ibrahim bin Pg. Mohamad	Menjalin, Lumapas.
10298	11150	Saleha binte Md Daud	Bunot.
10299	11151	Pg Haji Mohamed bin Pg Haji Md Daud.	Bunot.
10316	11143	Abdul Hamid bin Arshad	Lambak, Berakas.
10322	11163	Awang Damit (Suhaily) bin Haji Metusin	Lambak, Berakas.
10331	11141	Awang Haji Yaakub bin Awg. Zainal (I/C No. 034033 Kuning)	Gadong
10347	11201	Serudin bin Abu Bakar (I/C No. 032584 Kuning)	Tarap Bau.
10353	11160	Ongsang binte Moksin	Serusop, Berakas.
10354	11161	Dua binti Moksin	Serusop, Berakas.
10357	11182	Osman bin Ahmad	Lambak.
10366	11228	Sudin bin Haji Abd Rahim	Manggis, Berakas.
10372	11235	Metussin bin Tengah	Luagan Pulai, Berakas.
10378	11206	Pg Md Noor bin Pg Sabahim	Lambak, Berakas.
10415	11278	Haji Nasir bin Salam	Pengkalan Batong, Tabe.
10417	11316	Dayang Nafseh bte Harun	Tilong, Jalan Muara.
10418	11317	Dayang Aisah bte Abdullah	Tilong, Jalan Muara.
10422	11283	Awang Junaidi bin John Lee	Lambak.
10424	11285	Mohamad Salleh bin Haji Abdul Rahim (Victor Edret)	Lambak, Berakas.
10429	11256	Abdul Rahman bin Abdul Razak	Tanjong Bunot, Kilanas.
10430	10149	Dayang Jalia binte Mat Serudin	Lubok Tebangun.
10430	10149	Dayang Salmah bte Mohamad	Lubok Tebangun.
10443	11300	Dk. Damit binte Pg. Hashim	Lambak, Berakas.
10445	11302	Mohd Rakawi bin S. Muhammad,	Lambak, Berakas.
10452	11242	Che Som binte Mohd Hussin	Sengkuring.
10458	11352	Maasum binte Mohd Hussain	Manggis.
10461	11355	Jamilah binte Md Hussain	Mulaut Padi Scheme.
10476	11371	Awang Sabar bin Suradi	Jerudong.
10484	11368	Dayang Rukiah binte Lani	Bt. Panjang, Kianggeh.
10506	10663	Daniel Yapp	Beribi, Gadong.
10517	11384	Phang Sean Lo (I/C No. 034663 Kuning)	
10526	11410	Ahmad bin Sabli	Madang, Berakas.
10526	11410	Ak Junaidi bin Md Daud	Madang, Berakas.
10552	11375	Sidis bin Nawang	Serusop.
10561	11450	John David Ng (Ah Vui)	Lambak, Berakas.
10566	11380	Sulaiman bin Bakar	Maragan, Berakas.
10570	11437	Minah binte Sidop	Serusop, Berakas.
10572	11439	Awang Alfred Bong Thian Leong	Serusop, Berakas.
10586	11454	Awang Zainal bin Jaboh	Tg. Malim, Gadong.
10595	11262	Yusuf bin Burut (I/C No. 004426 Kuning)	Pancor Lumapas.
10596	11261	Jainah binte Burut (I/C No. 004705 Kuning)	
10609	11540	Hasnah binte Abd Khan	Pancor Lumapas.
10625	11535	Hajjah Emas binti Tamit	Sungai Hancing.

10629	11544	Mohamed bin Hussin	Sengkuring.
10639	11554	Ak Metassim bin Pg Md Yassin (Ak. Metussin)	Gadong.
10640	11555	Pg Serbanun binte Pg Haji Abdul Rahman	Gadong.
10643	11558	Awang Mahmud bin Md Husain	Gadong.
10645	10644	Talip bin Karim	Lumapas.
10652	11590	Ali bin Timbul (I/C No. 044255 Kuning)	Sengkuring.
10652	11590	Dk Rafiah bte Pg. Hj. Mumin @Dk Rafiah bte Pg Haji Luba (I/C/ No. 043082 Kuning)	Sengkuring.
10654	11592	Ajam bin Mahmud (I/C No. 000944 Kuning)	Sengkuring.
10655	11593	Jamil bin Tahamit (I/C No. 043256 Kuning)	Sengkuring.
10669	11582	Abu Bakar bin Apong (I/C No. 042491 Kuning)	Lumapas.
10671	11584	Ibrahim bin Budin	Lumapas.
10678	11461	Dk Halimah bte Pg. Metassim	Beribi, Gadong.
10681	11635	Ismail bin Abdul kadir	Beribi, Gadong.
10694	11545	Md. Saini bin Pungut (I/C No. 010371 Kuning)	Buang Tekurok.
10697	11520	Mohamad bin Berudin (ABDB 0183)	Tanjong Bunot.
10703	11675	Mohd Said bin Taha	Kilanas.
10704	11676	Hussin bin Jamaluddin	Pancor Lumapas.
10705	11651	Awang Mohammad bin Md Salleh	Pancor Lumapas.
10706	11652	Siti Aramah bte Haji Abd Momin (I/C No. 008092 Kuning)	Mulaut Padi Scheme Area.
10707	11568	Kamis bin Bungsu	Mulaut Padi Scheme Area.
10708	11569	Mahmud bin Adi	Pengkalan Batu.

Pegawai Bomba berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Kanan dari Jabatan Pasukan Bomba akan bertolak ke United Kingdom pada hari Jumaat 17 Ogos untuk mengikuti kursus.

Pegawai-pegawai itu ialah Haji Salim bin Haji Saidi, Komandan Pusat Latihan Bomba dan Pengiran Omarali bin Pengiran Haji Idris, Pegawai Pencegah Kebakaran Kanan.

Mereka akan mengikuti Kursus Diploma dalam Pengurusan Keselamatan di British Safety Council, London.

Kursus tersebut berjalan dari 20 Ogos hingga 28 Oktober, 1984.

PPN LAWAT SABAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidik Nasional Brunei (PPN) akan mengadakan lawatan ke Tadika Ria, Yayasan Sabah dan Bangunan Yayasan Sabah, Kota Kinabalu, pada 17 dan 18 September 1984.

Ahli-ahli PPN yang ingin menyertai lawatan tersebut bolehlah menghubungi melalui telefon kepada Yang Dipertua PPN tel. 20394 atau Setiausaha Agung PPN tel. 32755 atau secara bertulis ke alamat Peti Surat 2884, Bandar Seri Begawan.

Beritahu jika tukar alamat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan Brunei dengan Tanggungan Berhad meminta ahli-ahlinya memberikan alamat mereka yang baru, supaya senang dihubungi dari masa ke semasa oleh pihak syarikat.



AWANG Mohammad



AWANG Yunos

Dua lagi Kerani Pos ikuti kursus di KL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Kerani Jabatan Perkhidmatan Pos kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti kursus.

Awang Mohammad bin Daud dan Awang Yunos bin Haji Mayalin mengikuti Kursus Kerani Kaunter di Institut Latihan Pos Malaysia selama empat minggu.

Selepas menamatkan kursus tersebut, mereka akan menjalani penempatan di pejabat-pejabat Pos Malaysia selama dua minggu. Kursus mereka itu akan berakhir pada 22 September.

Didenda \$2,000 kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lelaki berbangsa China telah didakwa di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan pada 27 Disember 1983 di bawah bab 6(b) — Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981.

Kua Beng Tai, 22 tahun dari Kampong Berangan, Bandar Seri Begawan, telah didakwa memberi rasuah sebanyak \$200 kepada Sgt 865 Johan bin Haji Sabtu dan PC 1126 Abd Wahab bin Haji Abd Ghani pada 26 Disember supaya tidak memberi maklumat kepada Pegawai-pegawai Polis Kanan dan menyerbu rumah Yong Gee Chong @ Tanjong yang digunakan sebagai tempat berjudi mulai dari 21 Disember hingga 26 Disember 1983.

Kua Beng Tai telah mengaku salah di atas dakwaan itu pada 24 Julai 1984 dan didenda \$2,000. Dia telah membayar denda tersebut dan wang \$200 telah diserahkan kepada Kerajaan.

SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI BRUNEI

OLEH: JAHRI ABD. LATIF



MAKTAB Perguruan Ugama Seri Begawan satu-satunya institusi pendidikan agama tertinggi di negara ini.

PERKEMBANGANNYA DIPELOPORI OLEH PEMBESAR NEGARA

ADALAH difahamkan bahawa pelajaran agama Islam di negara ini lahir sejak berkembangnya Islam ke Brunei kira-kira enam abad yang lalu selari dengan Islamnya orang-orang Melayu Brunei.

Ianya disampaikan oleh mubaligh-mubaligh Islam dari luar negeri, yang kemudiannya diteruskan oleh anak-anak murid mubaligh tersebut serta peranan yang dimainkan oleh orang-orang tempatan sendiri yang menjadi tenaga penggerak dalam menyebarkan agama Islam ini melalui rumah-rumah mereka, balai-balai dan masjid-masjid.

TOKOH

Antara tokoh-tokoh yang mempelajari penyebaran agama Islam yang kurang diketahui oleh masyarakat umum adalah seperti Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman Ibnu Al-Marhum Pengiran Muda Besar Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd. Yassin Ibnu Al-Marhum Pengiran Omar Ali dan Yang Amat Mulia Pengiran Sahbandar Anak Hashim Ibnu Al-Marhum Pengiran Shahbandar Bahar.

Atas inisiatif ketiga-tiga orang pembesar negara ini maka terlaksanalah cita-cita untuk mengadakan pelajaran agama di Sekolah Melayu. Guru yang mengajar agama ketika itu ialah Imam Haji Mohd. Yusof bin Awang Salleh.

Semasa Awang Marsal bin Maun (Dato Seri Paduka Awang Haji Marsal bin Maun) menjadi Penguasa Pelajaran, pelajaran agama telah dimasukkan ke dalam jadual harian Sekolah Melayu sebagai satu mata pelajaran. Menjelang tahun 1940, pelajaran agama telah diperluaskan lagi ke Seria, Belait dan Tutong dan sukatan pelajaran agama pula disesuaikan dengan sukatan pelajaran agama Negeri Negeri Persekutuan Tanah Melayu dan negeri-negeri Selat.

SELEPAS PERANG

Selepas perang dunia kedua, pelajaran agama masih lagi sebagai satu mata pelajaran yang diajarkan di Sekolah Melayu. Kebanyakan tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai masjid serta perkembangannya juga turut diawasi oleh Pejabat Kadi Besar. Kemudian pada tahun 1956, beberapa buah Sekolah Ugama telah ditubuhkan di seluruh negeri, tiga di Daerah Brunei-Muara, dua di Daerah Belait dan sebuah lagi di Daerah Tutong dan Temburong. Sistem Sekolah Ugama ketika itu adalah mengikut sistem dan sukatan pelajaran Sekolah Ugama Negeri Johor.

Murid-murid yang diterima belajar di Sekolah Ugama terdiri dari murid-murid Sekolah Melayu dan Inggeris yang telah lulus darjah dua dan mereka dimasukkan ke darjah satu Sekolah Ugama, hingga darjah VI. Bahawa tujuan mengadakan Sekolah Ugama mengikut Penetapan Pelajaran Ugama Tahun 1969 adalah untuk:

PERUBAHAN SISTEM

Pada pertengahan tahun 1960 an, beberapa perubahan telah dibuat dari segi sistem dan juga pentadbiran Sekolah-Sekolah Ugama bagi menyesuaikan dengan kehendak-kehendak dan keadaan Negeri Brunei. Umamanya, menitikberatkan kepada pembelajaran pembacaan Al-Quran dengan betul dan kesempurnaan ibadah sembahyang. Penyusunan buku-buku teks baru juga dibuat seperti 'Sistem Mengetahui' (2 penggal) oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan beberapa buah kitab karangan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin seperti 'Kitab Pelajaran Ibadat' (Penggal I - III), 'Zainut Talib' (dari I - V dan 'Zainul Insan'.

Pelajaran Ugama sebagai satu mata pelajaran juga diadakan dalam peperiksaan bersijil di Sekolah-Sekolah

Menengah Melayu, Inggeris dan Misi di seluruh Negara Brunei. Antara tujuannya ialah untuk memupuk dan menggalakkan pendidikan pelajaran asas agama Islam yang wajib di kalangan murid-murid supaya dapat dijadikan amalan sehari-hari sebagai seorang Islam dan bagi menanamkan kepercayaan bahawa Islam ialah suatu cara hidup yang lengkap lagi sempurna dan menjadi sumber kekuatan dalam perkembangan dan pembangunan kemasarakatan.

GURU TEMPATAN

Sekolah-sekolah Ugama yang diasaskan lewat pertengahan tahun 50an itu telah menghasilkan guru-guru agama tempatan. Sejak itulah latihan untuk bakal-bakal guru agama dimulakan. Mulanya mereka mengikut latihan setiap hujung minggu (Sabtu) dan di samping menghadiri kursus-kursus waktu cuti penggal persekolahan.

Bagaimanapun pada tahun 1966, bakal-bakal guru agama mula mengikuti latihan perguruan selama setahun pada sebelah malam dan mengajar pada siang

hari. Tetapi mulai awal tahun 1972, apabila Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB) memulakan kursusnya bagi melatih bakal-bakal guru agama terlatih, kursus hujung minggu dan kursus perguruan agama yang diadakan terdahulu telah ditiadakan kecuali bagi kursus-kursus singkat dan ulang kaji untuk faedah meninggikan lagi kemahiran guru-guru tempatan.

SEKOLAH ARAB

Mengenai dengan Sekolah Menengah Arab, sebelum terasasnya SMALHB dan SMARIAD yang ada masa ini, sebenarnya sebuah Sekolah Arab yang mengajarkan pengetahuan agama yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya telahpun ditubuhkan di negeri ini sebelum pendudukan Jepun tetapi ianya adalah sekolah persendirian yang didaftarkan di Jabatan Pelajaran.

Tujuan Sekolah Menengah Arab tersebut ditubuhkan adalah berdasarkan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Mualana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali

Saifuddin Saadul Khairi Waddien (sekarang dikenali sebagai Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien) semasa Baginda meletakkan batu asas Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanul Bolkiah pada 24 April, 1964, yang antara lain bertitah:

"Kerajaan menyedari sudahlah tiba masanya diadakan Sekolah-Sekolah Menengah Ugama dengan mempunyai dasar pelajaran yang sesuai dengan kemajuan zaman iaitu bukan sahaja di ajarkan ilmu syarak dan bahasa Arab sahaja, bahkan juga pengetahuan-pengetahuan kenegaraan dan keduniaan untuk melayakkan murid-murid kelulusan sekolah menengah itu melanjutkan pelajaran ke mana-mana sekolah tinggi di luar negeri dan juga untuk melayakkan mereka menjadi rakyat yang mempunyai pengetahuan yang sempurna bagi mencari seorang Mukmin, yang berilmu dan taat kepada Allah".

PANDUAN HIDUP

Demikianlah serba sedikit catatan ringkas sejarah pendidikan Islam di negara kita di mana maksud memberikan pendidikan dan pelajaran agama kepada penuntut-penuntut adalah untuk membentuk keperibadian Islam dalam diri penuntut-penuntut itu supaya hidup pelajaran dan pendidikan agama yang diberikan kepada mereka itu akan menjadi panduan hidup mereka dalam menempuh suasana dunia yang serba kompleks ini.

Bagi penuntut-penuntut yang bukan beragama Islam, maka pendidikan dan pelajaran agama Islam itu ialah untuk pengetahuan mereka, dan dengannya dapatlah ia menghormati kesucian agama Islam dan menghormati kehendak dan semangat perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang mengkanunkan Ugama Islam sebagai agama rasmi negara.

Sukatan pelajaran itu juga menekankan kepada mencapai cita-cita hendak menjadikan Islam dengan sebenar-benarnya sebagai ideologi negara dan cara hidup yang lengkap di negara ini, kerana pencapaian kepada cita-cita ini perlu di dukong oleh rakyat dan penduduk yang berbilang di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam.



SALAH seorang penuntut MPUSB sedang menerima sijil setelah menamatkan kursus di maktab tersebut.



PENUNTUT-penuntut sekolah menengah (Melayu dan Inggeris) menerima didikan agama sebagai satu mata pelajaran.

- * Mendidik kanak-kanak supaya memahami dan dipercayai serta mengamalkan amalan-amalan Ugama Islam dengan keyakinan kepada Allah yang Maha Esa.
- * Mengajar Pelajaran Ugama supaya dapat menanamkan semangat keendaraan beragama di jiwa kanak-kanak.
- * Memimpin kanak-kanak supaya mereka cenderung dan berminat kepada ajaran ajaran Ugama sehingga boleh menikul tanggungjawab yang sepenuhnya bila mereka dewasa.
- * Membentuk budi pekerti kanak-kanak supaya mereka menjadi rakyat yang tinggi dan sempurna budi pekerti berdasarkan ajaran ajaran Ugama Islam yang sepati.
- * Melatih dan mengasah kanak-kanak bagi mengerjakan suruhan-suruhan dan larangan-larangan supaya mereka menjadi orang-orang Islam yang taat dan patuh dalam melaksanakan perintah dan hukum-hukum Allah.
- * Mendidik kanak-kanak supaya menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab dalam berkhidmat kepada negara dan bangsanya berdasarkan ajaran ajaran Ugama Islam.



OPERATOR-operator sedang bertugas di STS.

Sistem baru STS selesai

SISTEM komputer LOGOS (Logistic Operations System) bagi Jabatan Penjadual Pengangkutan (STS) telahpun digunakan sepenuhnya.

Logos ialah satu sistem yang direka untuk membantu Jabatan itu dalam kerja-kerja pengendalian tempahan-tempahan harian yang banyak dan dalam membantu jadual-jadual lalu lintas udara, laut dan darat. Sistem ini boleh memberikan pengawasan minit ke minit

bagi penggunaan pengangkutan.

Walaupun dirancang dalam tahun 1978 sistem yang ada sekarang adalah hasil dari kerja ubahsuai yang bermula pada akhir tahun 1981 oleh Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Komputer dengan rangkaian STS. Sistem ini saling bertindak dalam talian berdasarkan komputer mini PDP 11/44 yang berkeupayaan mengendalikan 32 peripheral unit ter-

masuk VDU, pencetak-pencetak dan teleks. Terdapat juga satu talian yang dihubungkan kepada rangkaian utama IBM untuk mengendalikan perubahan-perubahan dalam bayaran-bayaran pengangkutan kepada jabatan-jabatan pengguna.

Lain-lain kebaikan pada sistem itu ialah ia lebih cepat, tepat dalam memenuhi permintaan pengguna, lebih sistematik dalam penjadualan dan dapat mengurangkan

penggunaan kertas dan tenaga pekerja.

Pengenalan terhadap sistem ini juga bererti penghuraian secara rasional bagi sebilangan tempahan pengangkutan dan peraturan-peraturan penjadualan kapal misalnya penerbitan sistem permintaan dan nombor-nombor perjalanan yang terbukti menguntungkan kedua-dua belah pihak STS dan pengguna kerana ia memberikan rujukan apabila pertanyaan dibuat.

Anak tempatan kedua di SAV

JABATAN Perkhidmatan-perkhidmatan Penerbangan Shell Brunei kini mendapat khidmat seorang lagi jurutera tempatan, Pengiran Hassan bin Pengiran Johari merupakan anak tempatan yang kedua selepas Awang Simon Newn.

Pengiran Hassan, bekas seorang Inspektor Polis, telah diambil bekerja oleh Syarikat itu dalam bulan Ogos 1982 di mana selepas dua bulan beliau telah dihantar untuk mendapatkan lesen jurutera komersial selama 14 bulan di Oxford Air Training School, United Kingdom.

Sebelum memasuki Shell Brunei beliau telahpun mendapat lesen jurutera persendirian dari College of Air Training di Hamble, Southampton atas biasiswa Kerajaan.

Beliau memberitahu

Peluang lanjutkan pelajaran

SHELL Brunei sekali lagi menawarkan biasiswa dalam perkhidmatan kepada pekerja-pekerjanya untuk melanjutkan pelajaran keluar negeri.

Pemohon-pemohon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, sudah berkhidmat dengan Shell Brunei sekurang-kurangnya setahun pada 30 September 1984 dan mengambil kursus yang berkaitan dengan perkembangan atau pekerjaan yang dipegang masa ini sekurang-kurangnya di peringkat HND atau yang sebanding dengannya.

Pemohon-pemohon juga mestilah mematuhi syarat-syarat kemasukan bagi kursus yang dipohonkan, menerima

bahawa dengan kelayakan yang didapatinya awal-awal lagi, beliau telah dapat mengikuti kursus kedua dengan mudah. Beliau menambah bahawa bukan mudah untuk mendapatkan lesen jurutera komersial kerana ia memerlukan masa dan usaha yang gigih.

Pengiran Hassan juga menyatakan bahawa pekerjaan dalam bidang penerbangan adalah sesuatu kerjaya yang mencabar dan peluang-peluang sentiasa ada di Shell Brunei oleh itu beliau berharap lebih ramai lagi anak-anak tempatan bekerja dengan Jabatan Penerbangan Shell Brunei sebagai pegawai lalu lintas udara atau sebagai jurutera.

Pengiran Hassan buat masa ini menjalankan tugas-tugas biasa sebagai pegawai kedua seperti mana rakan sekerja beliau Awang Simon Newn.


sokongan jabatan, tidak terikat dengan apa jua skim perkembangan dan belum pernah dibiayai oleh Shell Brunei sama ada di Pusat Latihan Teknikal, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Pusat latihan Shell Brunei atau di luar negeri.

Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tajaan Dalam Perkhidmatan dan keputusan-keputusan akan dibuat oleh jawatankuasa berdasarkan syarat-syarat di atas yang mana keputusan muktamad akan dibuat oleh pihak pengurusan.

Permohonan-permohonan hendaklah dibuat secara bertulis melalui ketua-ketua jabatan kepada Setiausaha Tajaan Dalam Perkhidmatan (PPD/14) tidak lewat dari 30 September.



PENGIRAN Hassan bin Pg Johari



KERJA-kerja pembinaan dan pemasangan alat pencuci kereta automatik di Stesen Minyak Shell sedang berjalan lancar.

Perkhidmatan cuci kereta automatik

SERIA. — Pemandu-pemandu kereta di Daerah Belait akan menikmati perkhidmatan sistem pencucian kereta automatik di Stesen Minyak Shell tidak lama lagi.

Stesen kepunyaan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad itu kini telahpun selesai dengan tugas-

tugas penempatan jentera-jentera sistem itu tetapi kerja-kerja ke atas bangunan itu masih berjalan lancar.

Menurut Pengurus Stesen itu, Awang Suharju bin Suhaimi, pihaknya telahpun menerima pertanyaan tentang bila sistem itu akan dimulakan dan ini tambah beliau menunjukkan sambutan yang akan diterima.

Beliau juga memberitahu bahawa mencuci kereta dengan cara ini akan menjimatkan masa.

Sistem sedemikian adalah yang pertama di daerah itu dan yang kedua di negara ini. Stesen minyak yang mula-mula mengadakan perkhidmatan seumpama itu ialah Stesen Minyak Tumasek di Bandar Seri Begawan.



AWANG Mat Suny bin Haji Mohammad Hussein



AWANG Zaini bin Haji Omar

Maju setapak lagi

DUA orang anak tempatan di Shell Brunei, Awang Mat Suny bin Haji Mohammad Hussein dan Awang Zaini bin Haji Omar terus melangkah dengan jayanya dalam syarikat tersebut.

Awang Mat Suny yang pada ketika ini memegang jawatan Pengurus Umum Syarikat Pemasaran Shell Brunei adalah bakal Pengurus Kakitangan mulai bulan depan manakala Awang Zaini akan memegang jawatan Pengurus Hal-Ehwal Awam pada bulan September ini. Beliau kini berada di London untuk mengikuti satu kursus di SIPC. Beliau adalah penerima pingat SMB (Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga) yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Awang Zaini menggantikan Awang Sandy Livingstone yang akan meninggalkan Brunei pada 28 September untuk menjawat jawatan di sana sementara Awang Mat Suny menggantikan Awang Ken Prior yang juga akan meninggalkan Brunei dan bertugas di Shell International sebagai Personnel Resourcing Manager.

Perniagaan tempatan buka pejabat

JABATAN Perkembangan Perniagaan-perniagaan Tempatan Minyak Shell Brunei

Sendirian Berhad telah menubuhkan sebuah pejabat di Bandar Seri Begawan. Ianya ditempatkan di Tingkat Enam Bangunan Syarikat Minyak Shell Brunei dan dibuka pada tiap-tiap hari Selasa, Rabu dan Jumaat.

Langkah ini adalah untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera di Daerah Brunei-Muara dan Tutong yang berdaftar dengan syarikat itu untuk menerima nasihat dan penerangan, yang sebelumnya terpaksa berulang-alik ke Seria untuk tujuan itu.

Pada masa ini pejabat itu sedang mengadakan seminar lanjutan di Ibu Pejabatnya di Seria. Kursus selama tiga minggu yang dihadiri oleh 50 orang peserta itu telah dirasmikan oleh Pengarah Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh pada 28 Julai lepas.

Sebelum itu seminar yang sama juga telah diadakan bagi Daerah Brunei-Muara. Ianya dihadiri oleh 25 orang peserta dan berakhir pada 31 Julai lepas. Seminar-seminar tersebut dikendalikan oleh wakil-wakil dari Perbadanan Perkembangan Eksekutif Kuala Lumpur.

RTB

Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

HIDANGAN

PENINGKATAN penyertaan orang ramai terhadap pepaduan di setiap hasil kreatif seni yang disiarkan melalui radio itu boleh memerangsangkan mutu penulisan. Apa lagi setiap hasil seni yang disiarkan itu diberikan penggalakkan penghargaan oleh radio menurut kadar yang dikirakan patut dan seimbang pada setiap hasil seni yang diciptakan itu.

Kebangkitan dan kesedaran penulis-penulis dalam sesebuah negara adalah merupakan akar tunjang bagi mengukuhkan ranting-ranting kebudayaan seni negara, dan tidak terkecualilah radio di arena ini memberikan peranannya dalam menyalurkan hasil karya penulis-penulis tanahair kita itu.

Apa yang pihak radio pandangkan ke hadapan ketika ini ialah peranan masyarakat ramai, baik dari yang berkarya melalui radio mahupun tidak. Seelok-eloknya mereka ini

dapat menggabungkan diri dalam sama-sama memberikan pandangan bagi menambahkan peningkatan mutu penulisan kita yang sudah sedia ini melalui komentar dan seumpamanya yang difikirkan sihat dan bermunafaat.

Dan pihak radio diharapkan juga, janganlah andainya karya-karya dari penulis-penulis tanahair kita ini hanya diibaratkan kreatif yang bermusim-musiman. Atau berkreatif yang timbul tenggelam, kerana langkah yang serupa ini adalah merugikan mutu seni budaya kita jua mahupun mutu seni saste-

ra kita sendiri dan ini pula boleh membantutkan perkembangan daya cipta penulis tanahair kita sendiri.

Dalam konteks ini, radio amat berperanan dalam memberikan penyalurannya pada setiap hasil sastera itu. Cuma apa yang pihak radio ukurkan ketika ini ialah kurangnya sumbangan dari penulis-penulis veteran tanahair jika dibandingkan dari penulis-penulis tanahair yang baru muncul.

Dari itu radio dengan sukacitanya memohonkan agar penulis-penulis veteran yang sudah lama menghilangkan diri itu akan dapat muncul kembali dalam menyalurkan kreatif mereka ke radio ini.

Dalam mana dari kemunculan mereka itu nanti sudah tentu sedikit sebanyak akan dapat memberikan nafas baru kepada penulis-penulis muda sekarang, dan radio kita akan lebih bersemarak lagi dalam mengkeudarkan di setiap hasil seni sastera itu, dan itulah dia sebahagian hidangan yang dapat disajikan oleh radio untuk masyarakat pendengar di tanahair yang tercinta ini.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan bersama awda dengan pendengar kita kali ini iaitu Dayang Fatimah bte Haji Tuah di alamat No. 11 Kampong Saba Tengah, Negara Brunei Darussalam. Dayang Fatimah akan bersama para pendengar semua pada hari Selasa 21 Ogos jam 4.00 petang.

Resipi minggu ini:

Sambal Udang Lumat

BAHAN-BAHANNYA :

- 2 kati udang hidup (dibersihkan buang kulit lalu dipotong kecil-kecil)
- 3 labu bawang besar (dimayang-mayang)
- 1 batang lobak (dipotong halus-halus memanjang)
- 4 biji ubi kentang (dipotong dadu dan digoreng)
- ½ tin ideal milk
- 6 sudu tomato puri
- garam, aji-no-moto, gula secukup rasa.

BAHAN-BAHAN YANG DIGILING :

- 25 batang lada kering (dibuang bijinya)
- 10 ulas bawang merah
- 4 ulas bawang putih

sebuku halia

- 2 sudu makan kismis
- 1 sudu makan ketumbar
- 1 biji tomato hidup

CARA MEMASAKNYA :

Udang setelah dibersihkan dan potong digaul dengan sedikit garam dan kunyit, panaskan periuk, banyak minyak mengikut suka puan-puan sendiri, bila sudah panas tumis sedikit bawang untuk mewangikan saja, lepas itu tuangkan bahan-bahan yang digiling tadi kacau sampai keluar minyak. barulah dimasukkan udang. Masukkan tomato puri, ideal milk masak Jagi sampai kuahnya kering. Bila hampir kering barulah masukkan lobak, ubi kentang, bawang biarkan kuahnya pekat, tetapi sebelum dimasukkan bahan-bahan yang disebutkan tadi terlebih dahulu rasakan garam dan gula.

Sandiwar Radio:

SATU PENGORBANAN

Hasil tulisan Mayu

MINGGU ini rancangan Sandiwar Radio akan diisi dengan cerita yang berjudul "SATU PENGORBANAN" tulisan MAYU, Labuan, Sabah.

Penulis mengemukakan tentang kewajipan seorang anak sulung terhadap ibu dan adik-adiknya. Amir tidak begitu mengindahkan tentang kepentingannya sendiri tapi merasa lega dan puas bila masalah keluarganya dapat diselesaikan.

Kerana Amir berpegang teguh pada dasarnya ingin melihat adik-adiknya semua berjaya, ia tidak mengira penat-lelahnya bekerja walaupun kadang-kadang sampai melibatkan waktu di mana ia sepatutnya merehatkan dirinya.

Watak Marni, teman wanita Amir, seorang gadis dari keluarga yang berada tetap bersikap setia kepadanya walaupun kadangkala Amir terasa terlalu sibuk untuk melah-

yaninya, lebih-lebih lagi Amir sendiri menyedari Samsul, teman karibnya juga menaruh hati kepadanya.

Selang beberapa lama, sikap Amir berubah. Ia bertukar menjadi seorang yang pendiam dan menampakkan ada sesuatu yang sedang mengganggu fikirannya. Apa yang sebenarnya menjadi masalahnya itu hanya diberitahukan kepada Samsul, teman karibnya. Ia meminta Samsul merahsiakannya sehinggalah tibanya masa yang ditentukan.

Apakah sebenarnya yang mengganggu fikiran Amir itu? Untuk mengetahui perjalanannya cerita ini seterusnya, pendengar sekalian adalah dijemput untuk mengikuti siaran sandiwar ini sepenuhnya pada 19 Ogos, 1984.

Rancangan ini diterbitkan oleh Jamilah Abdul-lah.



DUA adegan dari tayangan "Murder Me, Murder You" ini mengenalkan siri rancangan baru MIKE HAM-MER yang membongkar kisah-kisah dari dunia pornografi ke dunia intrig politik antarabangsa yang bermula hari Jumaat kira-kira jam 10.30 malam.



"YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan memeluk sambil mengucapkan selamat belayar kepada salah seorang bakal haji sambil diperhatikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Umma

"SELAMAT PERGI DA SEMOGA MENDAPA"

BERIBU-ribu kaum keluarga dan sanak saudara bakal-bakal haji turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa untuk mengucapkan selamat belayar. (Atas kiri).

SEKALI lagi Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas menjadi tumpuan dan kesibukan amat ketara bilamana beribu-ribu kaum keluarga dan sanak saudara bakal-bakal haji memenuhi Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa untuk mengucapkan selamat belayar kepada bakal-bakal haji negara ini yang berlepas ke tanah suci dengan empat penerbangan sewa khas Syarikat Penerbangan MAS.

PEGAWAI-pegawai Imigresen juga turut sibuk membuat pemeriksaan (No 2 dari atas).

PENERBANGAN pertama telah terlewat kira-kira 7 jam, bakal-bakal haji terpaksa mengalas perut sebelum berangkat (kiri).

PEGAWAI Polis ini menunjukkan sesuatu kepada bakal-bakal haji (bawah kiri).

"SELAMAT tinggal, kami pergi sementara saja," (kanan).

BAKAL-bakal haji berada dalam bas untuk dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa (bawah).





SEBELUM berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa pemeriksaan pasport dan dokumen-dokumen penerbangan terlebih dahulu dilakukan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakilliah Hayatul Bolkiah di Serusop.

SELAMAT KEMBALI, HAJI YANG MABRUR"

Seramai 478 orang jemaah haji penerbangan pertama telah berlepas meninggalkan negara ini pada pagi Sabtu, 11 Ogos lepas. Bagaimanapun penerbangan tersebut telah tergendala hampir tujuh jam dari yang dijadualkan. Sepatutnya rombongan itu berlepas pada pukul 2.30 pagi, tetapi pesawat itu telah terlewat tiba disebabkan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, maka hampir pukul 10.00 pagi barulah rombongan itu berlepas ke Jeddah.

Sementara penerbangan berikutnya yang mengandungi 478 orang bakal-bakal haji telah berlepas lewat tengah hari 12 Ogos lepas. Penerbangan ini juga agak terlewat sedikit dari yang dijadualkan. Walau bagaimanapun bakal-bakal haji kita tetap bertenang menghadapi masalah tersebut.

Rombongan ketiga berlepas menurut sebagaimana yang dijadualkan. Rombongan ini mengandungi seramai 477 orang bakal-bakal haji setelah empat orang dari mereka terpaksa menarik diri atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Rombongan terakhir berlepas pada hari Selasa kelmarin dengan 480 orang bakal-bakal haji.


Selain dari kaum keluarga dan sanak saudara bakal-bakal haji, beberapa orang kenamaan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan juga turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa untuk mengucapkan selamat belayar sambil mendoakan semoga beroleh haji yang mabrur.

Salah satunya ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Ahli-ahli Majlis Penasihat Haji.

Terdahulu sebelum menaiki pesawat yang akan membawa rombongan haji itu, mereka ditempatkan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakilliah Hayatul Bolkiah di Kampong Serusop tiga jam sebelum berangkat untuk pemeriksaan Imigresen. Selepas itu barulah dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa dengan bas yang disediakan khas.



SUASANA di bilik perpisahan menunggu sebelum masuk ke kapal terbang.



DI SAAT-saat begini perasaan sedih dan terharu mudah terasa (atas tengah).

PEMERIKSAAN begini adalah perlu untuk keselamatan (atas kanan).

BERANGKAT menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa (kiri).

NENEK ini meskipun sudah lanjut usia, namun niatnya untuk mencukupkan rukun Islam yang lima itu mesti dilaksanakan (kanan).



RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 15 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 INSPECTOR GADGET
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 WILD KINGDOM :
"Chase By Copter"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD KINGDOM — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL: "Mistaken Identity"
Peter membuat sumbangan mengerat perhubungan seorang ayah kepada anak muda lelaki. Dua orang kakitangan yang selalu bertelingkah mendapati mereka telah bersahabat pena sebelumnya. Mark membayangkan kehidupannya yang mewah setelah menjumpai satu gelang yang berharga.
7.49 AZAN ISYAK
7.52 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 KEEP IT IN THE FAMILY :
"A Touch Of The Orient"
9.35 THE MISSISSIPPI :
"Beyond A Reasonable Doubt"
Ben Walker diminta membela seorang yang dituduh membunuh isteri kawan baiknya dan mendapati segala-galanya tidaklah seperti yang pada zahirnya.
10.25 TAYANGAN GAMBAR :
"Green Ice"
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 16 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 PACMAN
5.50 AGAINST THE ODDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
6.15 WONDERS OF THE WORLD :
"Wonderful Way Of The Welsh"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 WONDERS OF THE WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CUTTER TO HOUSTON :
"Race For Life"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 CUTTER TO HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.05 HAWAII FIVE O :
"Though The Heavens Fall"
10.25 MAN ABOUT THE HOUSE
10.50 GOLF — U.S. OPEN BHG. I
11.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 17 OGOS

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 JACQUES COUSTEAU'S ODYSSEY : "The Nile" Bgh. I.
Pengembaraan yang menarik dan mengembirakan di sepanjang sungai yang terpanjang di dunia, Sungai Nil.
2.10 CRUSADER RABBIT :
"Crook's Tour"
3.00 RICHIE RICH
3.25 WEBSTER
3.47 AZAN ASAR
3.51 WEBSTER — sambungan
4.00 MILLER'S COURT :
"A Chemical Reaction"
4.30 YOU ASKED FOR IT
4.55 MAKING THE MOST OF THE MICRO (Episod terakhir)
5.15 MIAMI MIATU
5.45 SHIRT TALES (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 SHIRT TALES — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BLUE THUNDER :
"Sky Diver"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 BLUE THUNDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DALLAS : "Hush, Hush, Sweet Jessie" Miss Ellie hilang.
TERRY AND JUNE :
"Words Of Love"
Terry jarang sekali lupa harijadi Jun. Tetapi membelikan hadiah untuk Jun adalah satu masalah sehingga hampir menghancurkan perkahwinan mereka.
10.35 MIKE HAMMER : "Murder Me, Murder You"
Rancangan mengenai Mike Hammer sebagai seorang detektif moden yang ingin menyelesaikan dendamnya ke atas sesuatu perbuatan salah yang terjadi di jalan-jalan New York.
11.25 GLEN CAMPBELL
11.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 18 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 SCOOPY AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA :
"Albatross Island"
6.30 JUST OUR LUCK
"The Shabelles"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 JUST OUR LUCK — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER :
"Brother's Keeper"
7.48 AZAN ISYAK
7.51 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK :
"Sambal Udang Lumat"
Resipinya ada di siarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Remaja Remaja"
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Luv"
Seorang yang hendak membunuh diri dijemput oleh kawan lamanya untuk makan malam di rumahnya. Hosnya berharap tetamunya akan jatuh cinta dengan isterinya supaya dia dapat mengahwini kekasihnya yang lain. Pelakon-pelakon: Jack Lemmon, Peter Falk, Elaine May, dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 19 OGOS

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 PINK PANTHER INSPECTOR
2.45 THE JEFFERSONS
3.15 MUZIKARAMA
3.47 AZAN ASAR
3.50 MUZIKARAMA — sambungan
4.10 LOVE BOAT
5.05 THOR
5.25 MAT YO YO
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE WORLD WE SHARE :
"Gippsland — Through The Forest"
6.25 BENSON
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON :
"I Heard It Was Murder"
7.48 AZAN ISYAK
7.51 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 LIVING HERITAGES :
"Japanese Lacquerwork"
9.50 THE TWO RONNIES
10.20 REILLY : ACE OF SPIES — Pilot Bgh. 2
11.10 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 20 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE BISKITTs
5.00 SUPERFRIENDS
5.30 THE POSEIDON FILES :
"Quest Of Courage" Bgh. I
Percubaan untuk menyiasat sebuah kapal Sepanyol yang telah tenggelam di satu kawasan laut yang penuh dengan ikan-ikan yu.
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.37 AZAN MAGHRIB
6.47 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- 7.15 FALCON CREST :
"Final Countdown"
Ketika berada di hospital Michael dan Chase meluru ke bilik Maggie yang menjerit bahawa dia akan menjadi buta. Michael menerangkan penandangannya mungkin melarat jika tidak dibedah sertamerta.
7.48 AZAN ISYAK
7.51 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 WRESTLING
10.00 THE GREAT LITTLE RAILWAYS OF THE WORLD :
"Slow Train Of Olympia"
Perjalanan keretapi kali ini melalui beberapa bandar-bandar dan kampung-kampung menarik yang terdapat di antara Athens dan Olympia di Greece.
10.50 EUREKA STOCKADE :
Siri ini kisah pertelingkahan oleh pelombong-pelombong emas di Australia dalam tahun 1854. Tindakan mereka menimbulkan banyak korban dan hero yang akhirnya membuka jalan kebebasan kepada penduduk generasi masa depan Australia.
11.40 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 21 OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIES TV FUNNIES
5.00- WORLD OF SURVIVAL :
"Hopping Mad"
5.30 BUGS BUNNY SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA
6.35 AZAN MAGHRIB
6.45 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY :
"Pirates Of Nashville"
7.46 AZAN ISYAK
7.49 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.15 THE YELLOW ROSE :
"Sins Of The Fathers"
10.05 TAYANGAN GAMBAR :
"Me, Natalie"
11.35 BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
12.05 SIARAN TAMAT.

Rancangan TVP

dari 20 Ogos — 22 Ogos

ISNIN — 20 OGOS

PAGI

- 8.50 SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Bunyi 3)
Dari rancangan bunyi 1 dan bunyi 2, kita ketahui bunyi adalah dihasilkan oleh benda-benda yang bergetar dalam bentuk gelombang dan bergerak ke semua arah. Bila gelombang-gelombang bunyi bersentuh dengan benda-benda yang keras, ia akan dibalikkan. Bunyi yang dibalikkan dipanggil talun. Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai talun.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Colours)

- Dalam rancangan minggu ini murid-murid pula akan diajar mengenai nama-nama warna di samping dapat

belajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf "t". Di owl's hut Izat dan J.J. telah mendengar sebuah cerita dari Owl.

SELASA — 21 OGOS

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Bunyi 3)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Colours)

RABU — 22 OGOS

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI BRUNEI (Bunyi 3)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Colours)

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
92.5 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 15 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Hiburan Pilihan, 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nanyuan, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampai-an, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Dandan Setia Siri Ke-10), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 16 OGOS

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Fokus/Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 17 OGOS

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masvarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Selingan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan.

HARI SABTU 18 OGOS

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaihari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari film.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama. MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

an Selingan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama. MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 19 OGOS

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Hari Minggu, 11.00 — Hiburan, 11.30 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

TENGAH HARI: 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen dan Salukan, 4.00 — Mutiara Asli, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 20 OGOS

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin,

PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15

— Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 21 OGOS

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow.
8.30 35th Cheltenham Festival: Scottish Baroque Ensemble (side 1 & 2)
9.00 Popular Classic: Symphonies
9.30 Talking About Music — (268/290)

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: "You Never Can Tell" by Bernard Shaw (Reel 3 & 4 of 4)
9.30 Brian Fahey and His Big Band — 1/15.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre: And Yet Another Partridge In a Pear Tree by Brian Sibley
11.15 Light Music From The Netherlands — 592/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 18th Cambridge Folk Festival The Bully Wee Band — 4/8.
12.45 My Music — 313/436.

P.M.

1.15 Book Club: Puckoon by Spike Milligan — 3/8.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 33/40.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.

2.00 Soundtrack of the Sixties (K842 — 13 side 2B & 3B)
4.00 Chinese Programmes.
8.00 The World of Books.
8.30 Thirty-Minute Theatre: Adam Ceaurage by Steve Thorn and Paul Wolfson.
9.00 Perspective
9.30 A Date with ... (repeat).

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety
3.00 Gurkhali Programmes.
8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable and Mineral — 32/46
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1029.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with
12.45 Highlight of the Day's Events of the 1984 Olympic Games.
1.00 Top of The Pops — 1029 (repeat)
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Olympic Countdown
2.45 Know Your Place: Marriage of Convenience — 4/8.
3.15 Just For Variety.

P.M.

8.00 Our Views (repeat).
8.30 BBC Science Magazine.
9.00 Beautiful Music — 25/60
9.30 Soundtrack of The Sixties (K842 — 14 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: The Biggest Sandcastle In The World by Paul Thain
8.45 The Guitar Greats: "James Burton" Prog 3 (side 2 of 2)
9.30 John Fox Presents — 14/18.

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: Kajagoogoo side 1.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Chinese down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA UDARA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. ANKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mem-
pelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk
memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai
Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang di dalam
Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera
Udara ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak
muda untuk dilatih sebagai juruterbang.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk me-
nerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lem-
baga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan akhir bulan
November 1984. Awang-Awang mestilah menghantar per-
mohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Ber-
senjata Diraja Brunei, Berakas Garison dan sampai tidak
lewat dari hari Khamis 4 Oktober, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-
syarat yang diperlukan seperti berikut :

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan
rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan
Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada
orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait,
Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika Awang-Awang bukan dari kaum jati puak-puak
tersebut, Awang mestilah beragama Islam dan men-
sesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-
orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei
Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk
kepada sebarang undang-undang bertulis yang ber-
hubung dengan taaf kebangsaan.
- Berkelulusan pelajaran GCE peringkat 'O' di dalam
Bahasa Inggeris (kelulusan 8 adalah diterima),
Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Sains (kredit 6
ke atas). Calon-calun yang mempunyai kelulusan
akademik yang lebih tinggi akan diberikan keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur
